

15 MAR 1999
Sabah-Ketua Menteri
OSU KETUA MENTERI BARU SABAH

KOTA KINABALU, 15 Mac (Bernama) -- Datuk Osu Sukam dilantik sebagai Ketua Menteri baru Sabah untuk menerajui kerajaan Barisan Nasional (BN) yang menang besar dalam pilihan raya negeri kesembilan.

Pelantikan Osu diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang berkata sistem penggiliran jawatan ketua menteri di Sabah akan diteruskan.

Ketua Umno Sabah itu mengambil alih daripada Tan Sri Bernard Dompok yang tewas dalam pilihan raya negeri hujung minggu lepas.

Osu, 50, dijangka mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai di Istana Negeri di sini pada 3.30 petang.

Abdullah memberitahu sidang berita di sini bahawa pemilihan Osu dibuat dalam satu mesyuarat yang dihadiri oleh Dompok dan Osu sebaik sahaja semua keputusan pilihan raya kali ini diketahui tengah malam Sabtu lepas. Turut hadir ialah Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob yang juga penyelarass jentera pilihan raya BN bagi Sabah.

Abdullah berkata keputusan itu telah disampaikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur semalam yang bersetuju dengan pelantikan itu.

Osu memenangi kerusi Kawang dengan menambah majoritinya kepada 2,213 undi daripada hanya 64 undi pada pilihan raya 1994. Ous ialah Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Kewangan negeri dalam Kerajaan Negeri lalu pimpinan Dompok.

Pengumuman pelantikan Osu bagi mengetuai kerajaan negeri yang baru menerima tepukan gemuruh daripada 24 anggota Dewan Undangan Negeri dari Umno termasuk Osu yang menghadiri persidangan berita itu. Yang turut hadir ialah Dompok dan Khalil.

Abdullah juga mengumumkan bahawa Osu akan berkhidmat di bawah sistem penggiliran itu dan kemudian digantikan oleh seorang pemimpin daripada masyarakat Kadazandusun dalam BN negeri diikuti pemimpin dari masyarakat Cina semasa tempoh penggal lima tahun itu.

" Saya ingin menjelaskan di sini bahawa sepanjang perbincangan yang diadakan, prinsip penggiliran telah ditegaskan bahawa kita tidak berganjak dan akan terus mengamalkan sistem penggiliran jawatan," kata beliau.

Beliau juga berkata pemimpin Kadazandusun yang menggantikan Osu akan meneruskan penggal Dompok memandangkan beliau tidak dapat menamatkan penggalnya selama dua tahun.

Dompok hanya berkhidmat selama 10 bulan sebagai Ketua Menteri apabila Dewan Undangan Negeri dibubar pada 22 Feb lepas untuk membolehkan pilihan raya negeri kesembilan diadakan.

Dr Mahathir sendiri berkata sebelum pilihan raya bahawa Dompok, yang juga presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) akan terus menjadi ketua menteri (jika beliau dan BN memenangi pilihan raya), kata Abdullah.

Pada pilihan raya yang baru berakhir, BN memenangi 31 daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri sementara Parti Bersatu Sabah (PBS) mendapat 17 kerusi.

" Tetapi setelah mengambil kira keputusan pilihan raya negeri, dan situasi selepas pilihan raya dan kekalahan Dompok sendiri, BN perlu mengaku bahawa hasil pilihan raya membawa beberapa perubahan.

" Yang pertama, Bernard (Dompok) tidak berjaya dalam pilihan raya, sesuatu yang BN rasa amat dukacita...dan PDS tidak mendapat sokongan yang besar kerana hanya dua calonnya menang," kata beliau.

PDS meletakkan 12 calon bertanding di kawasan majoriti Kadazandusun tetapi hanya Datuk Wences Angang yang bertanding di kawasan Kuala Penyu dan Datuk Siringan Gubat (Ranau) menang.

Abdullah berkata semua pihak mengakui bahawa UMNO mencapai kemenangan besar iaitu 100 peratus calonnya yang bertanding telah menang, manakala parti-parti komponen BN yang lain "ada yang menang dan ada yang tak menang".

" Dalam suasana ini, kita mengambil kira betapa perlunya BN menubuhkan kerajaan yang kredibel, berkemampuan dan kuat untuk membawa pemerintahan dan pentadbiran yang boleh memenuhi janji-janji yang diberi oleh BN sepanjang pilihan raya di Sabah ini," katanya.

Abdullah berkata, janji-janji dibuat itu khusus untuk membawa kemajuan yang lebih pesat, membangunkan Sabah dan membawa kemajuan kepada rakyatnya.

Beliau berkata dengan mengambil semua perhitungan inilah, semua pihak dalam rundingan berpendapat adalah baik jika PDS yang mewakili masyarakat Kadazansun memberi laluan kepada Umno untuk menamakan ketuanya yang boleh menjadi Ketua Menteri yang baru.

" Pandangan ini juga pandangan Tan Sri Bernard (Dompok) sendiri yang juga memahami situasi yang ada dalam partinya dan juga tentang kedudukan dua orang calon PDS yang menang. Sebab itulah kita membuat keputusan."

Timbalan Perdana Menteri berkata selepas Osu, pemimpin mewakili kaum Kadazandusun dan Cina mendapat giliran masing-masing menjadi ketua menteri, sistem penggiliran, satu-satu sistem kerajaan yang diamalkan di negara ini, akan berjalan seperti biasa.

" Tidak ada apa-apa perubahan mengenainya dan inilah yang saya mahu jelaskan supaya semua pihak memahami keputusan yang telah dibuat.

Abdullah berkata semua pihak di Sabah menghargai pandangan, perhatian daripada Perdana Menteri serta kebijaksanaannya dalam hal pelantikan ketua menteri yang baru.

" Kita memang akui hasrat serta kesungguhan beliau untuk memenuhi janji-janji bahawa prinsip penggiliran itu dikekalkan telah pun dipertahankan. Cuma kita membuat sedikit perubahan yang melibatkan Umno dan PDS. Yang lain ikut seperti biasa.

Dompok memberitahu persidangan berita itu beliau amat berterima kasih kepada pucuk pimpinan BN terutama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi BN kerana memberi peluang kepadanya untuk memegang jawatan Ketua Menteri Sabah "walaupun dipendekkan kepada hanya sembilan bulan berikutan keputusan pilihan raya".

Beliau berkata keputusan pilihan raya itu menunjukkan bahawa PDS tidak lagi boleh terus untuk menerajui kerajaan negeri di bawah sistem penggiliran jawatan ketua menteri.

" Oleh itu saya bersetuju dengan keputusan kepimpinan BN bahawa Datuk Osu akan memimpin kerajaan untuk memberi tempoh yang sesuai kepada pemimpin daripada masyarakat Kadazandusun mendapat pengalaman dalam pentadbiran kerajaan negeri," katanya.

Dompok mengucapkan tahniah kepada Osu yang sebelum ini menjadi timbalannya atas kejayaan besar Umno Sabah pada pilihan raya negeri dan pelantikannya sebagai ketua menteri yang baru.

Osu enggan bercakap pada persidangan berita itu kerana menurut Timbalan Perdana Menteri, beliau akan menemui media selepas mengangkat sumpah sebagai ketua menteri.

Osu ialah ketua menteri Sabah ke-11 dan keenam dalam tempoh lima tahun lalu selepas sistem penggiliran jawatan ketua menteri diperkenalkan apabila BN memegang teraju pemerintahan pada 1994.

Selepas pilihan raya 1994, presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Joseph Pairin Kitingan dilantik ketua menteri bagi penggal keempat tetapi terpaksa meletak jawatan apabila PBS hilang majoriti dalam Dewan Undangan

Negeri apabila beberapa anggota dewan dari PBS menyertai BN atayu menubuhkan parti lain yang kemudian diterima menjadi komponen BN.

Apabila kerajaan PBS tumbang, Pairin digantikan oleh Tun Sakaran Dandai dari Umno (mewakili masyarakat Bumiputera Islam). Sakaran melepaskan jawatan itu lapan bulan kemudian apabila dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri.

Sabah kemudian menyaksikan tiga lagi ketua menteri -- Datuk Salleh Said, Datuk Yong Teck Lee (mewakili masyarakat Cina) dan Dompok (mewakili masyarakat Bumiputera bukan Islam).

Osu, seorang peguam lulusan dari Britain, ialah Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi dari 1994 hingga 1998.

Sebelum itu, beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Menteri Kerja Raya dan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Osu berkahwin dengan Datin Noredah Majimpi dan mereka mempunyai lima orang anak.

-- BERNAMA

AU FAZ